

21 FEB 1996

Mahathir-Islam

JANGAN BAWA AJARAN SESAT KE MALAYSIA, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan umat Islam di negara supaya jangan membawa masuk ajaran-ajaran sesat kerana ia bukan sahaja akan membawa perpecahan tetapi permusuhan ketat di kalangan mereka.

Perdana Menteri berkata mereka tidak harus membawa tafsiran-tafsiran atau ajaran-ajaran "baru" seperti fahaman Syiah dari negara-negara lain hanya kerana ia diamalkan di negara berkenaan.

"Apabila mereka mengikut satu mazhab yang ada kaitan dengan satu-satu negara ini mungkin menyebabkan ketegangan antara negara kita dengan negara lain," kata beliau kepada pemberita di hari kedua majlis rumah terbuka beliau sempena Aidil Fitri di Sri Perdana, di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman bahawa ajaran sesat di negara ini semakin meningkat terutamanya di kalangan pelajar-pelajar.

Seorang bekas pensyarah universiti tempatan, Uthman El Muhammady juga dilaporkan sebagai berkata bahawa terdapat pensyarah-pensyarah di universiti-universiti tempatan yang cuba menanam fahaman Syiah.

Dr Mahathir berkata perbalahan antara umat Islam seperti yang wujud di negara-negara lain tidak berlaku di negara ini kerana orang Melayu pada keseluruhannya mengamalkan fahaman Sunnah Waljamaah daripada mazhab Shafiee.

"Apa perlunya membawa fahaman Syiah ke sini?...Kita tidak gaduh kalau orang lain nak percaya mazhab Syiah di negara lain tetapi biarlah semua orang Melayu hanya ikut satu mazhab sahaja dan menjadi ahli Sunnah Waljamaah, katanya.

Ini yang kita nak...Orang lain nak ikut, kita tiada halangan tetapi jangan bawa ke sini," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata bilangan kumpulan ajaran sesat di negara ini semakin meningkat.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan boleh menangani ajaran sesat di negara ini dan membawa pengikutnya ke pangkuan ajaran Islam yang sebenar.

Pusat Islam telah mengenal pasti 47 kumpulan ajaran sesat dan 15 daripadanya masih aktif lagi membabitkan lebih 1,000 pengikut.

Ketika ditanya sama ada kerajaan perlu mengambil tindakan drastik untuk membendung perkembangan ajaran sesat, Dr Mahathir berkata kerajaan perlu mencari jalan supaya fahaman Syiah dapat dibentaras.

Semalam, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob berkata Kementerian itu sedia membantu pihak berkuasa agama Islam untuk bertindak terhadap organisasi atau penerbitan tertentu yang terbabit dalam usaha penyebaran fahaman Syiah sehingga membawa perpecahan umat Islam di negara ini.

Ditanya sama ada ajaran sesat akan mengancam keselamatan negara, Dr Mahathir berkata setakat ini, keadaan dapat terkawal.

"Biasanya waktu ini belum lagi tapi kita selalu melihat kepada masa depan. Kalau kita tak jaga awal-awal, bila dia sudah berkembang dan mungkin melibatkan pembesar-pembesar negara dan orang lain maka pada ketika itu kalau kita cuba nak betulkan, ia akan jadi masalah besar," katanya.

"Jadi, sebelum ia sampai ke tahap itu, kita kena ambil tindakan," kata Perdana Menteri.

Ditanya apakah pendekatan yang diambil untuk menangani masalah ajaran

sesat, beliau berkata kerajaan mesti mengenalpasti orang yang mengembangkannya.

Ketika ditanya sama ada beliau akan bertemu Louis Farakhan, pemimpin kumpulan "Nation of Islam" yang berpusat di Chicago, Amerika Syarikat, yang dijangka akan tiba lewat petang ini, Dr Mahathir berkata: "Tiada program untuk bertemu dengannya sehingga ini." --BERNAMA

ES PR